




KERATAN AKHBAR

SURAT KABAR	:	UTUSAN MALAYSIA
TARIKH	:	3/5/2021
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Tapir sesat dihantar semula ke habitat liar

Utusan Malaysia 3/5/2021 M/S 32



SEEKOR tapir betina yang memasuki perangkap dipasang berjaya diselamatkan Perhilitan di Felda Tenggaroh 5, Mersing di Johor.

MERSING: Seekor tapir betina seberat 300 kilogram yang dipercayai tersesat berjaya dihantar ke habitat liar selepas memasuki perangkap yang dipasang sejak tiga bulan lalu di Felda Tenggaroh 5, Mersing di sini, Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor, Salman Saaban berkata, pihaknya menerima aduan berkaitan tapir berkenaan memasuki perangkap pada pukul 8.30 pagi yang diletakkan di kawasan penempatan itu.

"Perangkap tersebut telah dipasang pada 17 Februari yang lalu selepas menerima aduan orang ramai yang melihat tapir

tersebut berkeliaran di kawasan penempatan dan kelihatan dalam keadaan kurang sihat. "Operasi menyelamat telah dijalankan oleh 12 kakitangan daripada Perhilitan Dae-rah Mersing, Pusat Konservasi Hidupan Liar Jemalong dan Santuari Gajah Johor," katanya ketika dihubungi di sini.

Salman berkata, kerja-kerja memindahkan tapir betina itu dari dalam perangkap ke dalam kotak pemindahan telah bermula pada pukul 9.30 pagi dan selepas kira-kira 20 minit kemudian.

Katanya, tapir tersebut dibawa ke Pejabat Perhilitan Mersing untuk diberikan rawatan oleh doktor veterinar jabatan.